

05 AUG 1996

Mahathir-Tabiat

DR MAHATHIR MAHU RAKYAT MALAYSIA SEMAI BUDAYA SUKA BEKERJA

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat Malaysia perlu menyemai budaya suka bekerja dan mengikis tabiat membuang sampah di merata tempat ketika negara bergerak ke arah mencapai status sebagai sebuah negara maju.

"Untuk menjadi maju, budaya juga perlu diperkembangkan," katanya dalam ucapan dasar pada konvensyen kebangsaan mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh di sini.

Sambil menyatakan bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh adalah sebagai sebahagian proses mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, beliau menekankan bahawa ketekunan dan kerajinan masih menjadi syarat kepada mencapai kejayaan dalam setiap bidang yang diceburi.

"Tidak ada salahnya kita suka bekerja. Bekerja untuk mendapatkan upah adalah mulia daripada meminta sedekah. Bekerja lebih gigih untuk mendapatkan upah yang lebih banyak adalah lebih mulia," katanya.

Pada masa yang sama, Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia perlu segera menghentikan tabiat buruk suka membuang sampah di merata tempat atau hilang hak untuk menjadi model bagi negara-negara membangun yang lain.

"Sekiranya kita menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, kita tidak boleh merasa bangga dengan kejayaan itu jika kita tidak mengikis tabiat merosakkan suasana sekeliling," katanya.

Dr Mahathir berkata orang perseorangan dan negara yang berjaya dikenali kerana dedikasi dan ketekunan mereka dan jika Rancangan Malaysia Ketujuh mahu berjaya, rakyat Malaysia perlu menyemai tabiat suka bekerja.

Beliau berkata rakyat Malaysia perlu mengelak dan menjauhi sikap kononnya dunia atau masyarakat berhutang kepada mereka.

"Mereka tidak berhutang kita apa-apa. Kita bertanggungjawab kepada diri kita sendiri untuk memperolehi pendapatan yang halal," katanya pada konvensyen tiga hari yang dianjurkan bersama oleh Persatuan Ekonomi Malaysia dan Yayasan Penang Free School.

Perdana Menteri berkata adalah sangat bahaya untuk meningkatkan kadar upah tanpa meningkatkan produktiviti atau nilai ditambah.

Sebaliknya, para pekerja perlu bekerja dengan lebih tekun atau berusaha mendapatkan lebih banyak kepakaran supaya dapat meningkatkan produktiviti, katanya.

Beliau berkata para eksekutif juga perlu meningkatkan produktiviti jika mereka mahu kadar upah yang lebih tinggi.

Beliau berkata status sebuah negara maju tidak hanya bermaksud pendapatan per kapita dan taraf hidup yang lebih tinggi, sebaliknya aspek-aspek budaya juga perlu diperkembangkan dan tabiat buruk dikikis.

"Dalam pada kita mahu mengekalkan budaya kita, terdapat beberapa aspek dalam budaya kita yang boleh dikikis. Antaranya tabiat membuang sampah di sekeliling kita," katanya.

Beliau berkata orang ramai suka berada di tempat yang bersih seperti tempat perkelahan yang bersih, tetapi mereka juga meninggalkan sampah bertaburan di sekeliling tempat tanpa mengambil kira perasaan orang lain.

Sambil menyatakan bahawa pembangunan pelancongan dan pembangunan yang lain tidak boleh mengetepikan alam sekitar, Dr Mahathir juga berkata bahawa pemuliharaan alam sekitar telah terbukti dapat menambahkan nilai dan potensi pendapatan daripada projek-projek itu.

-- BERNAMA

AZZ AH AKD

